

Rujukan

- (n.d.). Retrieved from <http://ww1.utusan.com.my>
- Amin, M. (2001). *Keusahawanan sebagai kerjaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Aripin, R. M. (2012). Kecenderungan kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar bumiputera di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan Pahang.
- Azilahwati Binti Adam, S. B. (2011). Aspirasi kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar-pelajar semester akhir Kolej Komuniti Jasin.
- Carter, S. &. (1999). Entrepreneurship Education; Alumni Perception of the Role of Higher Education Institution. *Journal of small business and enterprise development*, 6(3), 229-239.
- Harun, N. N. (2010). Aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 11-17.
- Izzat usahawan kelahiran politeknik membuktikan graduan Politeknik Malaysia berjaya dalam bidang perniagaan. (2015).
- Kamus Dewan. (2005). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Konting, M. M. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Najib, M. (1999). *Kajian berbentuk tinjauan*.
- Nooraini Othman, S. S. (2009). Persepsi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar 4SPH dalam bidang keusahawanan.
- Sarebah Warman, R. R. (2010). Penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar di Politeknik. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan*.
- Sekaran, U. (2002). *Research method for business - a skill building approach* (Vol. 4). Wiley.
- Yusof Bin Boon, S. (2010). Kesediaan untuk menceburi bidang keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar bumiputera tingkatan empat di tiga buah sekolah sekitar Skudai Johor.
- Zainuddin, M. S. (2003). *Nilai aplha atau pekali kebolehppercayaan*.
- Zakaria, A. Y. (2001). *Prinsip keusahawanan satu penilaian*. Pearson Prentice Hall.
- Zulkarnain, H. M. (2005). *Panduan mudah analisis data menggunakan SPSS Windows*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press.

KECERDASAN EMOSI DAN PERANAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI

¹Zarina Binti Samin, ¹Abd Rahim Bin Ma'sum, ¹Shahrul Hafiz Mohd Imran,
Nor Azida Binti Mansor¹, Jamalluddin Bin Mohd Ali¹

¹Jabatan Kejuruteraan dan Kemahiran,
Kolej Komuniti Ledang Johor

zarina@kklej.edu.my, rahim@kklej.edu.my, sahrul@kklej.edu.my,
azida@kklej.edu.my, jamalluddin@kklej.edu.my,

ABSTRAK

Sejak kebelakangan ini kita dikejutkan dengan masalah lambakan graduan yang tidak mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian di universiti ataupun kolej. Kumpulan ini juga tidak memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Justeru, isu ini mencetuskan persoalan keberkesanan Falsafah Pendidikan Malaysia yang berpaksikan konsep melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelektual. Menurut Falsafah Pendidikan Negara kecerdasan emosi mewakili fikiran yang waras dan perasaan yang tenang. Emosi dan perasaan akan memainkan peranan dalam membentuk sikap dalam kehidupan dan menjadi elemen terpenting apabila individu ingin bergelar usahawan. Kertas konsep ini membincangkan, keperluan kecerdasan emosi dalam konteks pendidikan keusahawanan bagi memenuhi tuntutan negara dalam menyediakan rakyat Malaysia yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dan menguasai bidang keusahawanan selari dasar Model Ekonomi Baru yang bertujuan meningkatkan pendapatan perkapita negara menjelang tahun 2020. Kecerdasan emosi yang dibincangkan merangkumi kesedaran terhadap diri, keupayaan mengurus emosi diri, motivasi, empati dan kemahiran sosial mengikut Model Kecerdasan Emosi Goleman yang telah diperkenalkan oleh Daniel Goleman pada tahun 1998. Kajian ini dapat membantu pihak pemberi pendidikan untuk menerapkan pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan elemen kecerdasan emosi pelajar kerana kejayaan seseorang individu itu tidak bergantung kepada kecerdasan intelek semata-mata.

Kata Kunci: Kecerdasan emosi, keusahawanan, pendidikan keusahawanan

1.0 Pengenalan

Aktiviti keusahawanan telah bermula sejak zaman dahulu lagi dengan konsep sistem barter sebelum penggunaan mata wang secara meluas. Masyarakat terdahulu sudah terbiasa dengan keusahawanan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sistem persekolahan di Malaysia sejak dari dulu telah menerapkan nilai dan ciri keusahawanan melalui mata pelajaran kemahiran hidup, ekonomi asas, perdagangan dan lain-lain mata pelajaran. Kesan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang diwujudkan pada 2011 telah membantu penerapan elemen keusahawan bagi membentuk ciri-ciri, sikap, kaedah berfikir dan amalan keusahawanan melalui aktiviti pembelajaran dan pengajaran (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2010).

Abdul Said (2012), menyatakan beberapa kementerian seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pertanian, Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kementerian Pendidikan telah berusaha dengan jayanya meletakkan kurikulum usahawan dalam kebanyakan modul latihan pembelajaran aspek kemahiran dalam kalangan pelajar institusi-institusi kementerian berkaitan. Selain itu, penerapan elemen keupayaan pemasaran, konsumerisme serta kebijaksanaan sebagai pengeluar dan pengguna adalah sangat diperlukan dalam usaha melatih pelajar-pelajar bidang keusahawanan ini.

Seorang ahli psikologi barat Daniel Goleman (1998) telah memperkenalkan Model Kecerdasan Emosi yang mengambil kira unsur kecerdasan emosi dalam kejayaan individu. Model Kecerdasan Emosi tersebut merangkumi kemahiran interpersonal, kemahiran intrapersonal dan amalan praktikal. Elemen kecerdasan emosi yang diilhamkan oleh Goleman pada tahun 1998, menyumbang kepada pengkajian yang lebih dalam dunia psikologi kerana ia memberi peranan dalam kualiti emosi individu. Dunia keusahawanan memerlukan individu yang mempunyai ketahanan mental dan emosi yang tinggi.

Dalam terminologi ilmu psikologi apabila membicarakan tentang konsep kecerdasan emosi, ianya berkisar kepada kebolehan untuk mengawasi emosi diri sendiri dan juga emosi orang lain. Hal ini kelak membantu individu dapat membezakan kebaikan dan hasil usaha seseorang melalui penggunaan maklumat, ilmu pengetahuan serta kemahiran yang ada untuk dapat membantu fikiran serta tindakan seseorang mencapai kejayaan. Oleh yang demikian teori Goleman (1998), berkaitan kecerdasan emosi dilihat dapat mempengaruhi asas kefahaman ini. Menurut Goleman (1998), kecerdasan emosi adalah kebolehan seseorang memahami perasaan sendiri dan menggunakannya untuk membuat keputusan yang berkesan dalam kehidupan seharian. Kecerdasan emosi manusia juga menurutnya adalah berkaitan dengan konsep kecerdasan sosial seseorang itu. Goleman (1998), juga

mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kemampuan melihat, melahirkan, menguruskan emosi diri sendiri dan emosi orang lain.

Pendidikan keusahawanan yang dipelajari melalui pembelajaran dan pengajaran secara formal mahupun tidak formal jika diterapkan elemen kecerdasan emosi Goleman akan membantu individu dalam pelbagai aspek khususnya dan perkembangan ekonomi negara amnya. Selain aspek kognitif yang ditekankan dalam akademik misalnya keseimbangan unsur lain yang disebut dalam Falsafah Pendidikan negara perlu diambil kira bukan sahaja oleh golongan pendidik tetapi segenap lapisan masyarakat kerana kita sering mengharapakan kesejahteraan hidup dan keharmonian dalam masyarakat. Pendidikan sangat memainkan peranan terpenting kepada masyarakat kerana melaluinya manusia akan membentuk tamadun dan meletakkan sesuatu perkara tepat pada haknya. Tuntutan negara meningkatkan pendapatan perkapita masyarakat menjelang tahun 2020 memerlukan pihak pendidik terutamanya melipat gandakan usaha menyampaikan pendidikan berteraskan keusahawanan kepada masyarakat dan memupuk kecerdasan emosi dalam pendidikan keusahawanan.

2.0 Kajian Lepas

Berdasarkan kajian Wan Nor Halimatul Syaidah et al (2013), menyatakan pendidikan keusahawanan menekankan proses pembinaan manusia berorientasikan keusahawan dengan menfokus kepada tiga faktor iaitu menerapkan kesedaran keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan penilaian sendiri. Kajian demi kajian perlu dilakukan dalam bidang keusahawanan pada masa hadapan memandangkan terdapat gelagat pengguna yang kompleks dan memudahkan pemahaman tentang pendidikan keusahawanan. Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia menyatakan pendidikan keusahawanan adalah penyelidikan menyeluruh dan meliputi orientasi pendidikan perniagaan dan gabungan orientasi kerjaya usahawan yang bukan sahaja menyediakan kemahiran yang diperlukan dalam menguruskan perniagaan tetapi mengalakkan penubuhan usaha niaga baharu. Menurut Yahya (2005), kurikulum pendidikan teknik dan vokasional masih kurang elemen keusahawanan.

Menurut Azizi et al (2005), ahli psikologi menyatakan, kecerdasan emosi menyumbang kepada 80 peratus kejayaan individu berbanding kecerdasan intelek hanya menyumbang 20 peratus kepada kejayaan. Goleman (1998), menekankan kecerdasan emosi adalah keupayaan individu mengurus emosi dirinya dan orang lain. Oleh yang demikian, faktor utama kejayaan individu dalam kerja atau kehidupan sosial akan bergantung kepada kecerdasan kognitif dan juga kemahiran teknikalnya (Goleman 1998). Justeru, penerapan kecerdasan emosi dalam pendidikan keusahawan sangatlah penting memandangkan cabaran dunia keusahawan itu pelbagai dan memerlukan interaksi sosial yang luas dan kefahaman tentang sendiri individu itu sendiri.

Berdasarkan kajian Che Rugayah et al (2013), mendapati persepsi pelajar sekolah menengah terhadap pendidikan keusahawanan adalah tinggi atau pandangan mereka terhadap pendidikan keusahawanan adalah positif. Dapatan ini disokong dapatan NorFadhilah et al. (2010), menyatakan majoriti pelajar bersikap positif terhadap kerjaya keusahawanan tetapi tiada minat untuk menjadi usahawan. Hal ni selaras dengan dapatan pengkaji lain bahawa keusahawanan boleh diajar dan memberi impak yang positif (Mullan & Gillin (1998), Vesper (1994), Gorman & Hanlon (1997) dalam Che Rugayah et al (2013) kerana peranan utama pendidikan keusahawanan adalah untuk memberi kesedaran dan penerimaan.

Menurut Che Rugayah et al (2013), menyatakan persepsi yang positif dalam bidang keusahawanan boleh dapat diasah menerusi pendidikan keusahawanan. Kajian Zaidatul Akmaliah (2007), dalam Che Rugayah et al (2013), turut menyatakan kecenderungan seseorang terhadap kerjaya keusahawanan dapat dipupuk menerusi pendidikan keusahawanan. Walau bagaimanapun pendidikan keusahawanan tidak bermakna jika tidak mengambil kira kecerdasan emosi kerana aktiviti keusahawanan bergantung kepada kecerdasan emosi tidak tertumpu kepada kecerdasan emosi semata-mata.

Menurut Wan Nor Halimatul Syadiah et al, (2013) tahun 2012 hanya lima peratus daripada 240,000 orang mahasiswa yang menceburi bidang keusahawanan setelah mereka menamatkan pengajian. Dapatan ini menunjukkan kadar pengangguran dijangka akan meningkat setiap tahun. Keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan pertambahan bilangan graduan setiap tahun memaksa mereka untuk bersaing bagi merebut peluang pekerjaan yang semakin terhad. Justeru, pihak universiti dan kolej khususnya memahami keperluan untuk membentuk pemikiran pelajar sebagai pencipta kerja.

Kajian Bahyah et al (2008), menyatakan terdapat hubungan yang sangat signifikan di antara kesemua item kecerdasan emosi dengan elemen kemahiran keusahawanan yang menjadi salah satu teras pendidikan keusahawanan. Ramayah et al (2005) menyatakan, individu yang mendapat latihan dalam bidang keusahawanan mempunyai tahap efikasi sendiri dan kecenderungan keusahawanan yang tinggi jika dibandingkan dengan individu yang tidak mengambil latihan keusahawanan. Kajian Cross dan Travaglione (2003) dalam Bayah et al (2008), menyatakan kecerdasan emosi memberi kesan secara signifikan kepada kejayaan seseorang usahawan kerana individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dianggap mempunyai kelebihan yang tersendiri kerana mereka dilihat lebih sensitif dan peka terhadap sebarang perubahan yang berlaku di dalam organisasi, pengurusan dan sosial

3.0 Kepentingan Kajian

Kertas Konsep ini mempunyai kepentingan kepada system pendidikan dan manfaat kepada pengkaji lain. Ia juga dilihat semakin kritikal apabila melihat banyak berlaku pengangguran dalam kalangan graduan yang telah tamat pengajian dari universiti atau pun kolej. Berikut merupakan kepentingan kajian ini :

- Membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merancang sukatan mata pelajaran yang mendedahkan pelajar kepada permasalahan sebenar dan *hands on training*. Pembelajaran berasaskan masalah (*Problem base learning*) yang berpusatkan pelajar, membantu pelajar bebas meneroka dan lebih berciri usahawan kerana pembelajaran dan pengajaran berasaskan masalah menjadikan pelajar kreatif dan inovatif serta menyumbang kepada peningkatan kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi.
- Membantu pihak yang berkenaan dengan pendidikan seperti politeknik dan kolej komuniti menekankan lagi pendidikan keusahawanan di dalam aktiviti kokurikulum. Melalui program dan aktiviti kokurikulum kecerdasan emosi pelajar digilap, dipupuk dan ditingkatkan.
- Membantu golongan pendidik memahami tentang kecerdasan emosi dan keperluan kecerdasan ini diterapkan dengan bersungguh-sungguh dalam semua sesi pembelajaran dan pengajaran bukan sahaja tertakluk kepada pendidikan keusahawanan semata-mata.
- Sebagai sumber kepada pelajar tentang kesedaran menguasai kecerdasan emosi dan tidak bergantung kepada kecerdasan intelek semata-mata agar tidak mengharap kerja makan gaji sebaliknya mampu menyumbang pembangunan Negara sebagai usahawan.
- Sebagai panduan kepada pengkaji lain yang berminat untuk membuat kajian tentang kecerdasan emosi dan pendidikan keusahawanan pada masa hadapan.

Model	Kecerdasan	Emosi
Goleman:-		
		• Kesedaran terhadap diri (<i>Self-awareness</i>).
	• Keupayaan mengurus emosi diri	(<i>Self-regulation</i>).
		• Motivasi (<i>Motivation</i>)
		• Empati (<i>Empathy</i>).
		• Kemahiran sosial (<i>Social skills</i>).

4.0 Kerangka Kajian



Pendidikan	Keusahawanan	melalui
pembelajaran dan pengajaran di kolej / universiti		
(Kesedaran keusahawanan keusahawanan, Penilaian diri)		Kemahiran

Rajah 1 Kerangka Teori Kajian Hubungkait Keperluan Kecerdasan emosi dalam pendidikan keusahawanan

Rajah 1 menerangkan elemen-elemen yang terdapat dalam kecerdasan emosi Goleman 1998. Elemen yang dinyatakan terbahagi kepada lima iaitu kesedaran terhadap diri (*self-awareness*), keupayaan mengurus emosi diri (*self-regulation*), motivasi (*motivation*), empati (*Empathy*) dan kemahiran sosial (*social skills*). Pendidikan keusahawanan di kolej mahupun universiti terkandung dalam setiap modul kurikulum pembelajaran dan pembelajaran yang dinyatakan dalam kemahiran boleh pindah atau kemahiran insaniah. Impak dari proses pembelajaran dan pengajaran lazimnya terzahir melalui hasil pembelajaran program dan hasil pembelajaran modul.

5.0 Perbincangan

5.1 Elemen Kesedaran Kendiri

Elemen pertama dalam kecerdasan emosi yang perlu diterapkan dalam pendidikan keusahawanan ialah kesedaran terhadap diri sendiri. Kesedaran sendiri bermaksud keupayaan individu itu memahami kehendak diri sendiri seperti perasaan suka kepada sesuatu. Apabila

elemen ini diterapkan dalam pendidikan keusahawanan dapat memahami kekuatan dalaman yang dapat meningkatkan nilai dan kebolehan individu. Melalui kefahaman terhadap diri sendiri juga membolehkan individu faham apa yang dimahukan dan dapat memahami batasan keupayaan diri.

5.2 Elemen Keupayaan Mengurus Emosi

Seseorang individu yang ingin berjaya dalam apa sahaja yang dilakukan dalam hidup perlu mampu mengurus emosi kendirinya. Dalam pendidikan keusahawanan elemen ini dapat diterapkan apabila individu membuat kawalan terhadap emosi-emosi yang mengganggu gerak hati. Yahya (2006), menyatakan individu mesti memikirkan apa yang membuatkan mereka gembira, sedih atau marah. Elemen ini jika dapat diterapkan dengan baik dalam pendidikan keusahawanan akan melahirkan individu yang kreatif dan berinovasi.

5.3 Elemen Motivasi

Individu yang bermotivasi tinggi sememangnya matlamat dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan keusahawanan. Dapatan kajian Thuaibah @ Suaibah et al. menyatakan terdapat hubungan antara faktor persekitaran, faktor individu dan faktor motivasi dengan kejayaan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan melalui kajian di kalangan ibu-ibu tunggal yang mengikuti program kesedaran dan peningkatan keupayaan usahawan anjuran pejabat Mara Johor dengan UTM.

Menurut Mohd Sofian et al. (2005), motivasi manusia lebih kuat daripada segala-galanya. Justeru, jika elemen ini sentiasa dipupuk, ditekankan atau dibina dalam pembelajaran dan pengajaran ia akan membantu membentuk individu yang sangat bermotivasi. Menurut Yahya (2006), motivasi ialah proses menghasilkan tenaga oleh keperluan yang diarahkan bagi mencapai matlamat. Oleh itu, motivasi sendiri ialah dorongan atau tenaga dalaman diri ketika hendak melakukan sesuatu perkara bagi mencapai matlamat yang dikehendaki.

5.4 Elemen Empati

Seterusnya empati dalam konteks pendidikan keusahawanan ialah kefahaman terhadap perasaan, keperluan dan keprihatinan masalah orang lain. Elemen ini membolehkan individu dapat berfikir dari sudut pandangan pelanggan dan menghargai perbezaan perasaan dari berbagai hal. Sebagai contoh Schultz (2012), berjaya memenangi hati keseluruhan pekerja dan kakitangan Starbucks apabila mengambil tindakan ke setiap rumah tiga orang pekerja Starbucks yang menjadi mangsa tembak di bandar Georgetown, Washington DC. Schultz

tidak menghiraukan bagaimana untuk menyiapkan laporan atau bersedia dengan media bagi mengulas isu tersebut malah beliau telah memujuk dan menyelami perasaan ahli keluarga pekerjanya yang menjadi mangsa. Usaha ini telah membantu keseluruhan kakitangan dan pekerja Starbucks untuk memberi komitmen yang terbaik dalam produk Starbucks dan dalam masa yang sama mengundang rasa empati seluruh penggemar minuman kopi yang sangat berpengaruh ini. Proses penyelesaian masalah dalam pendidikan keusahawanan lazimnya dapat melahirkan kecerdasan emosi ini.

5.5 Elemen Kemahiran Sosial

Aktiviti sosial yang berlaku dalam program keusahawanan melalui pendidikan secara formal mahupun tidak formal memberi peluang individu membina hubungan dengan orang lain. Kemampuan membina hubungan dengan orang lain bermaksud kecekapan dalam merangsang respon-respon positif atau yang dikehendaki dari orang lain. Tujuan penerapan kecerdasan ini dalam pendidikan keusahawanan bagi melahirkan individu yang pandai berkomunikasi dengan orang lain

6.0 Cadangan

Hasil daripada dapatan dan perbincangan beberapa cadangan dikemukakan bagi meningkatkan kecerdasan emosi dalam pendidikan keusahawanan. Cadangan tersebut ialah:

1. Para pendidik perlu menerapkan kepada para pelajar bahawa konsep pendidikan keusahawanan adalah pembelajaran sepanjang hayat sama ada melalui pendidikan secara formal atau tidak formal. Ia boleh di perolehi di sekolah mahupun melalui pengalaman kepada individu yang tidak berpeluang mendapatkan pendidikan secara formal.
2. Para pendidik juga dituntut mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang kecerdasan emosi pelajar dan mampu meneroka kelebihan-kelebihan yang terdapat pada setiap elemen kecerdasan emosi pelajar. Kecerdasan emosi merupakan satu sifat yang boleh dipelajari, dipupuk dan dikembangkan.
3. Para pendidik hendaklah memberi tunjuk ajar kepada pelajar tentang hubungan interpersonal dan intrapersonal kerana ia dapat meningkatkan pendidikan keusahawanan. Apabila pelajar berupaya membina hubungan dengan orang lain ini akan membentuk rangkaian yang menguntungkan bagi individu kerana salah satu penentu kejayaan bidang keusahawanan ialah sokongan dan dorongan daripada rangkaiannya. Individu yang mempunyai pendidikan

keusahawanan juga akan dapat mengaplikasikan prinsip untung rugi dalam kehidupan sehari-harinya melalui pemahaman aspek emosinya.

4. Institusi pendidikan hendaklah sentiasa mewujudkan suasana keusahawanan yang menyeronokkan seperti mengadakan pertandingan perniagaan perpaduan 1 Malaysia agar pelajar boleh berinteraksi dalam pelbagai latar bangsa dan budaya. Aktiviti ini memberi peluang kepada pelajar memahami orang lain dan dapat memberi respon empati terhadap tindakan yang diambil empati. Individu yang pandai berempati lebih mudah memenuhi permintaan dan kehendak orang lain dan mampu memberi respon dengan segera. Hasil umum pembelajaran dalam pendidikan keusahawanan melahirkan individu yang dapat memahami kehendak pelanggan dalam pelbagai latar budaya.
5. Kecerdasan emosi boleh dipelajari mahupun diwarisi daripada ibu bapa. Azizi et al (2005), menyatakan kecerdasan emosi tumbuh seiring pertumbuhan manusia sejak lahir hingga meninggal dunia. Ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting memupuk kecerdasan emosi anak-anak di rumah kerana kecerdasan emosi turut dipengaruhi oleh lingkungan keluarga..

7.0 Penutup

Sebagai kesimpulannya, elemen kecerdasan emosi sangat sesuai digunakan dalam proses pembelajaran dan pengajaran pendidikan keusahawanan. Cabang ilmu psikologi ini menjadi tuntutan pada masa kini kerana kejayaan individu tidak hanya bergantung kepada kecemerlangan pencapaian akademik semata-mata bahkan Negara amat memerlukan modal insan yang mempunyai kualiti dari segi emosi. Penggunaan model ini dalam pendidikan keusahawanan mampu menjadi titik mula kepada keseimbangan individu dalam pelbagai cabang ilmu pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Abdul Said Ambotang (2012). Penulisan artikel Berita Harian 18.07.2012 : Pendidikan keusahawanan dalam kalangan pelajar – Perspektif dan Cabaran
- Azizi Yahaya, Yusuf Boon & Amir Hamzah Abdul .(2007). Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan pencapaian akademik dan tingkah laku pelajar.(atas talian)
http://eprints.utm.my/2265/1/AziziYahaya_Kecerdasan_Emosi_da... (28 Jun 2013)
- Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihanmi, Zakariya et al. (2005). *Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan*. Pahang: PTS.Profesional Publishing Sdn.Bhd.

Bahyah Abdul Halim, Azharuddin Hashim Mukhiffun Mukapit & Abdul Rahim Zumrah (2008). (atas talian) www.internationalconference.com.my/...005_FaktorKecerdasanEmosi.pdf PDFfile (12 Mac 2013)

Baum J, R. & Locke, E.A. (2004). The relationship of entrepreneurial traits, skill, and motivation to subsequent venture growth. *Journal of Applied Psychology* .89 (4): 587–598.

Che Rugayah Che Ismail & Noor Hanisa Abdul Hamid.2013. Keusahawanan dan pendidikan keusahawanan mengikut persepsi pelajar sekolah menengah di daerah Kota Bharu, Kelantan.Prosiding Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional .Batu Pahat: UTHM.

Goleman, D. 1998. '*Working with emotional intelligenc*'. New York: Bantam Books

Mohd Radzi. 2013. Pelaksanaan *Entrepreneurial Science Thinking* (EST) dan kesesuaiannya dalam konteks pendidikan Prosiding Persidangan Antarabangsa dan Pertandingan Inovasi Kaunseling dan Pendidikan 2013 Kepelbagaian Pendidikan Untuk Kepelbagaian Manusia Batu Pahat: PERKAMA Consultants.

Goleman, Daniel. (2000). *Emotional intelligence (Terjemahan)*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.

Howard Schultz. (2012). *Onward : How Starbucks Fought For Its Life Without Losing Its Soul*. Rodale Book, New York

Ma'rof Redzuan, & Haslinda Abdullah. (2004). *Psikologi edisi kedua*. Mc Graw-Hill:Malaysia.

Mohammad Shatar Sabran, Samir Muhazzab Amin, Paramasivam Muthusamy et al. (2009).7 *kemahiran insaniah pelajar huraian dan pengukuran*. ZH Publishing House: Kuala Lumpur.

Mohd Radzi. (2013). Pelaksanaan *Entrepreneurial Science Thinking* (EST) dan kesesuaiannya dalam konteks pendidikan. Prosiding Persidangan Antarabangsa dan Pertandingan Inovasi Kaunseling dan Pendidikan 2013 Kepelbagaian Pendidikan Untuk Kepelbagaian Manusia Batu Pahat: PERKAMA Consultants.

Noor Hanisa Abdul Hamid & Che Rugayah Che Ismail.2013.Kajian persepsi pelajar sekolah menengah terhadap usahawan dan teknousahawan. Prosiding Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional.Batu Pahat: UTHM.

Thuaibah @ Suaibah Abu Bakar (2004). Aktiviti Keushawanan Di Kalangan Ibu Tunggal Negeri Johor, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, UTM

Wan Nor Halimatul Syadiah & Fakrul Anwar. 2013. Efikasi sendiri dan kecenderungan keusahawanan:Peranan pendidikan keusahawanan di kalangan pelajar IPT. Prosiding Persidangan Antarabangsa dan Pertandingan Inovasi Kaunseling dan Pendidikan Kepelbagaian Pendidikan untuk Kepelbagaian Manusia. Batu Pahat:PERKAMA Consultants.

Wan Liz Ozman & Wan Omar Sulzari Mohamed.2002. *Memperkasakan Usahawaan Panduan Lengkap Pengurusan Perniagaan Dan Penjanaan Usahawan*. Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd: Kuala Lumpur.

Zarina Samin.2013.Kajian terhadap hubungan antara Model Kecerdasan Emosi Goleman dengan kemahiran keusahawanan pelajar.Prosiding Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional.Batu Pahat: UTHM.